

# Karya seni perlu dihasilkan secara berterusan

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

UB 10.10.2012 A2

KOTA KINABALU: Para penggiat dan peminat seni perlu menghasilkan karya secara berterusan bagi mempertingkatkan kemajuan bakat dan kreativiti masing-masing.

Pengarah Pusat Seni Suria, Datin Seri Raya Erom berkata seni adalah satu cabang yang indah dan mereka yang tidak mengenal seni, tidak akan mengenali keindahan.

Menurutnya yang juga Pengurus Eksekutif Yayasan 1Suria, setiap orang ada nilai seni dalam diri.

Justeru katanya, ia perlu disuburkan dan digilap agar dapat diaplikasi dalam kerjaya dan kehidupan.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program Pameran Karya Eksplorasi Fotografi Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) 2012 di Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini kelmarin.

Jelasnya, program berkenaan dapat membawa para peserta untuk menghayati dan menghargai hasil karya jurugambar daripada pelajar universiti yang berlainan disiplin ilmu.

"Kita juga dapat merasai nilai estetik melalui aplikasi formalistik pada setiap karya seni yang dipamerkan.

"Ia sekaligus meningkatkan keseimbangan

emosi dan merakamkan kehidupan sebuah masyarakat menerusi penghasilan dan penghayatan karya seni," katanya.

Raya berkata, program seumpama itu seharusnya diperluaskan ke seluruh pelusuk negeri ini bagi merakamkan kekayaan keindahan alam dan budaya yang mencerminkan realiti kehidupan masyarakat Sabah.

Selain itu, katanya, ia juga dapat menarik perhatian rakyat Malaysia dan antarabangsa untuk mendekati dan menghayati seni yang dirakam menerusi lensa kamera.

Malah tambahnya, karya-karya yang dihasilkan menjadi medium untuk mempromosikan Sabah ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sementara itu, timbalan pengarah program berkenaan, Siti Arbi Abdul Rashid berkata seramai 15 peserta daripada beberapa universiti di negara ini terlibat dalam program yang berlangsung selama enam hari itu.

Katanya, ia bertujuan membawa perkongsian pengalaman serta pengetahuan sesama peserta dalam memajukan kemahiran masing-masing.

"Ia selaras dengan pengisian bengkel yang menjurus kepada teknik-teknik pengambilan foto untuk pengetahuan yang lebih sesuai," jelasnya.

Turut hadir, Ahli Tetap Makum yang juga penyelaras program, Mohammad Puad Bebit.



RAYA (kiri) sempat melihat karya para peserta yang dipamerkan sambil diberi penerangan oleh Mohammad Puad (kanan).